

## ILMU PERANCANGAN TAPAK LANDSKAP MELAYU DALAM KARYA MELAYU TRADISIONAL

### *MALAY LANDSCAPE PLANNING KNOWLEDGE IN TRADISIONAL MALAY MASTERPIECE*

*Hasrina Baharum & Mariyati Haji Mohd Nor*  
*Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris*  
*hasrina@fbk.upsi.edu.my & mariyati@fbk.upsi.edu.my*

#### **Abstrak**

Makalah ini mengetengahkan karya Melayu tradisional sebagai sumber untuk mengkaji kearifan tempatan Melayu dalam ilmu perancangan landskap. Dalam konteks moden hari ini, perancangan tapak landskap yang melibatkan proses menganalisa tapak dan keperluan pengguna yang digabungkan bagi menghasilkan suatu reka bentuk atau keadaan yang kreatif, menarik, selesa, dan selamat. Perancangan landskap dalam konteks masyarakat Melayu zaman dahulu merujuk kepada kebolehan dan keupayaan masyarakat Melayu tradisional dalam mengenal pasti tapak atau kawasan landskap yang sesuai untuk dibangunkan dengan aktiviti pelandskapan sama ada membina istana atau ibu kota sesebuah kerajaan Melayu berdasarkan karya Melayu tradisional. Perbincangan akan bertitik tolak daripada prinsip-prinsip yang terdapat dalam *Theory of Landscape Aesthetics* oleh Bourassa.

**Kata Kunci:** perancangan tapak landskap, landskap Melayu, masyarakat Melayu tradisional, karya Melayu tradisional, *theory of landscape aesthetics*.

#### **Abstract**

*This paper highlights the traditional Malay masterpiece as a source to investigate the wisdom of local Malay in landscape planning knowledge. In today's modern context, landscape site planning involves the process of analyzing the site and user combined requirements to produce a design or situation that is creative, interesting, comfortable, and safe. Landscape planning in the context of ancient Malay society refers to the abilities and capabilities of traditional Malay society in identifying sites or suitable landscapes to be developed with landscaping activities whether to build a castle or a capital of a Malay kingdom based on traditional Malay masterpiece. The discussion will start from the principles found in *Theory of Landscape Aesthetics* by Bourassa.*

**Keywords:** *landscape site planning, Malay landscape, traditional Malay society, traditional Malay masterpiece, theory of landscape aesthetics*

## **PENGENALAN**

Landskap sebagai suatu bidang ilmu memang telah wujud sejak zaman dahulu lagi dan boleh dilihat dalam beberapa kebudayaan besar di dunia seperti di Mesir, India, dan China. Ilmu seni bina landskap boleh didefinisikan sebagai seni dan sains mereka bentuk, merancang dan mengurus bumi, menyusun atur elemen semulajadi dan buatan manusia melalui aplikasi budaya dan pengetahuan saintifik dengan menekankan aspek tanggungjawab menyelidik, memulihara sumber, dan kewajipan mengurus agar pada akhirnya akan menghasilkan persekitaran yang dapat memberi perkhidmatan berguna dan menyeronokkan (Mohd Kher Hussein et. al., 2008, hlm. 2). Pada masa dahulu, kewujudan ilmu landskap ini adalah seiring dengan keperluan seseorang pemerintah untuk memiliki sebuah landskap istana, ibu kota, atau taman yang setaraf dengan status mereka.

Sebagai suatu bidang ilmu, skop reka bentuk seni bina landskap sangat luas, merangkumi perancangan landskap, perancangan tapak landskap, dan reka bentuk landskap. Makalah ini akan

menumpukan perbincangan dalam aspek perancangan landskap. Dalam konteks moden, perancangan tapak landskap dikatakan sebagai skop konvensional seni bina landskap yang melibatkan proses menganalisa tapak dan keperluan pengguna yang digabungkan bagi menghasilkan suatu reka bentuk atau keadaan yang kreatif, menarik, selesa dan selamat (Mohd Kher Hussein, Noorizan Mohamed, Mustafa Kamal Mohd Shariff, 2008, hlm. 10). Dalam hal ini, elemen-elemen dan kemudahan yang diperlukan akan dikaji dan disusun serta diletakkan di tapak dengan mengambil kira perkaitan di antara satu sama lain. Antara faktor penting dalam skop ini ialah rupa bentuk tanah atau kawasan tersebut termasuk semua sumber jaya asli yang terdapat di tapak. Oleh itu perancangan tapak landskap melibatkan kerja inventori tapak, analisa pengguna, dan diakhiri dengan hasil sintesis. Setelah itu pelan induk sesuatu rancangan pembangunan kawasan berkenaan dihasilkan (Mohd Kher Hussein, Noorizan Mohamed, Mustafa Kamal Mohd Shariff, 2008, hlm. 10).

Inventori tapak merupakan aktiviti mengenal pasti dan menyenaraikan ciri-ciri fizikal tapak serta infrastruktur sedia ada di tapak berkenaan seperti kedudukan tapak, saiz dan sempadannya, topografi atau bentuk muka bumi, jenis tanah termasuklah pH dan kesuburannya, jenis-jenis tumbuhan sedia ada di tapak, bangunan dan struktur seperti wakaf, kerusi, taman, penggunaan tapak dan sekitar kawasan, keadaan cahaya, sistem lalulintas seperti jalan siar kaki, sistem dan struktur saluran yang sedia ada, dan aktiviti persekitaran. Sementara analisis pelanggan dan pengguna melibatkan aktiviti menemubual pelanggan dan pengguna bagi mengenal pasti kehendak mereka dari segi kos, tempat khusus yang menjadi kesukaan, tanaman yang dikehendaki, dan lain-lain. Dalam hal ini seorang arkitek landskap perlu mengelaskan kehendak pengguna berdasarkan kesesuaiannya dengan tapak persekitaran yang ada.

Setelah selesai menganalisis kawasan dan memahami kehendak pengguna, seorang arkitek landskap perlu menyediakan sebuah pelan berdasarkan maklumat yang diperolehi dalam inventori tapak dan analisis pelanggan tentang aktiviti yang dicadangkan mengikut keutamaan berdasarkan objektif pelandskap, kos yang diperuntukkan, ruang yang sedia ada dan bahan yang diperlukan. Pelan konsep ini boleh digunakan oleh untuk berbincang dengan pelanggan bagi mendapatkan respons mereka berkaitan dengan sesuatu aktiviti pembangunan landskap yang dirancang.

Berdasarkan konsep dan proses-proses perancangan tapak landskap dalam pengertian ilmu landskap moden tadi, analisis terhadap karya Melayu tradisional mendapati bahawa secara konseptualnya masyarakat Melayu zaman dahulu juga telah mempunyai ilmu perancangan tapak landskap, seperti yang difahami dalam konteks pengertian ilmu landskap moden pada hari ini, tetapi dengan istilah dan pendekatan yang sesuai dengan kosmologi budaya mereka. Dalam hal ini, karya Melayu tradisional memaparkan bagaimana masyarakat Melayu zaman dahulu memilih sesebuah kawasan untuk membangunkan aktiviti pelandskap dan juga merancang pembangunan landskap sesebuah kawasan berdasarkan keupayaan atau kesesuaian tanah melalui pelbagai kisah yang dipaparkan. Walau bagaimanapun, prosesnya agak berbeza dan tidaklah terlalu rinci seperti yang dilalui dalam proses perancangan tapak landskap moden pada hari ini.

Tinjauan literatur mendapati bahawa kajian tentang kearifan tempatan Melayu yang telah dilakukan setakat ini berkisar kehebatan masyarakat Melayu dalam ilmu matematik seperti yang diketengahkan oleh Mat Rofa Ismail (2009) dan juga Mohamad Alinor Kadir (2005). Sementara kearifan tempatan Melayu dalam bidang perkapalan, pertanian, pertukangan, pertanian, dan pengairan, pelayaran, penangkapan ikan pernah dikaji oleh Wan Ramli Wan Daud (1993). Sementara teknologi pencelupan dan pewarnaan pula pernah dikaji oleh Che Husna Azhari (1997). Harun Mat Piah (2016) pernah menyentuh tentang cinta dan perkasihian Melayu sebagai suatu kearifan tempatan Melayu. Tinjauan yang dibuat mendapati bahawa kurang atau hampir tidak ada kajian yang menyentuh tentang ilmu landskap sebagai suatu kearifan tempatan Melayu, khususnya yang menyentuh ilmu perancangan tapak landskap.

Dalam konteks ini ilmu perancangan tapak landskap Melayu merujuk kepada kehebatan masyarakat Melayu zaman dahulu dalam memilih dan mengenal pasti sesebuah tapak atau kawasan yang sesuai berdasarkan justifikasi tertentu untuk membina istana atau sebuah ibu negeri/ibu kota bagi kerajaan yang baru hendak dibuka dengan bersumberkan karya Melayu tradisional. Karya Melayu tradisional yang merupakan dokumentasi sosial masyarakat zaman dahulu merupakan sumber yang boleh digunakan untuk mengkaji kehebatan masyarakat Melayu dalam ilmu perancangan tapak landskap Melayu kerana di dalamnya dipaparkan cara masyarakat memilih sesebuah kawasan berdasarkan bentuk

muka bumi, warna tanah, arah matahari, kewujudan air dan sebagainya termasuklah peristiwa ajaib yang berlaku yang mengabsahkan sesebuah tempat tersebut dijadikan sebuah negeri atau tidak. Kajian ini penting bagi membuktikan bahawa masyarakat Melayu zaman dahulu sudahpun menguasai ilmu landskap, khususnya dalam perancangan tapak landskap Melayu sama seperti yang difahami dalam konteks moden pada hari ini dengan bersumberkan karya Melayu tradisional.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dibuat dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan kaedah analisis teks sebagai kaedah utama kajian. Kajian kepustakaan melibatkan pencarian maklumat daripada pelbagai sumber tentang ilmu perancangan landskap, terutama berkaitan dengan konsep asas perancangan tapak landskap serta proses-proses yang terlibat. Sementara kaedah analisis teks memberi keutamaan kepada terhadap data-data kajian berkaitan ilmu perancangan landskap yang diproleh daripada teks-teks karya Melayu tradisional. Dalam hal ini proses analisis teks melibatkan bacaan yang kritis serta membuat pertimbangan dan penilaian terhadap penguasaan masyarakat Melayu zaman dahulu dalam ilmu perancangan tapaklandskap tersebut.

Kajian ini bertitik tolak daripada *Theory of Landscape Aesthetics* oleh Bourassa (1988). Teori ini menghubungkan estetika landskap dengan peranan atau keupayaan landskap dalam memenuhi keperluan manusia dalam dua keperluan asas, iaitu keperluan biologiikal dan budaya. Dalam memenuhi keperluan biologiikal, landskap harus berupaya menawarkan fungsi keselamatan dan perlindungan diri kepada manusia. Sementara dalam memenuhi keperluan budaya pula pembangunan landskap mestilah berupaya menonjolkan identiti suatu bangsa dan seterusnya menstabilkan identiti budaya bangsa tersebut untuk dipertahankan dan dikekalkan pada hadapan (Bourassa, 1988, hlm. 240-245). Hal ini dibincangkan panjang lebar dalam artikelnya, *Toward a Theory of Landskap Aesthetics*. Kajian dalam makalah ini cuba meninjau sejauh manakah prinsip keselamatan dan perlindungan diri, serta prinsip identiti dan kestabilan identiti budaya menjadi pegangan atau keutamaan masyarakat Melayu zaman dahulu, terutama raja-raja Melayu dalam ilmu perancangan tapak landskap mereka, khususnya ketika merancang pembangunan landskap negeri mereka.

## **PERBINCANGAN**

Berdasarkan analisis yang telah dibuat terhadap karya Melayu tradisional didapati masyarakat Melayu pada zaman silam telah mempunyai pengetahuan dalam ilmu perancangan tapak landskap seperti yang difahami dalam konteks ilmu landskap moden pada hari ini. Walau bagaimanapun, dari segi segi roses-proses yang terlibat didapati bahawa perancangan landskap tersebut tidaklah terlalu rinci seperti yang berlaku dalam perancangan tapak landskap moden hari ini. Dalam hal ini, analisis terhadap karya Melayu tradisional mendapati proses perancangan tapak lebih tertumpu kepada analisis tapak atau kawasan untuk dibangunkan dengan aktiviti pelandskapan. Proses analisis terhadap keperluan pengguna berlaku secara tidak langsung apabila arkitek landskapnya, iaitu raja-raja Melayu sendiri yang menjustifikasikan keperluan sesebuah tapak atau kawasan untuk didirikan pembangunan landskap seperti sebuah istana atau ibu kota untuk kerajaan atau negeri yang baru hendak dibuka, sesuai dengan keperluannya sebagai seorang raja atau pemerintah. Kajian terhadap karya Melayu tradisional juga menemukan bahawa pada zaman dahulu, tidak ada sebuah pelan induk dalam perancangan tapak landskap seperti yang wujud dalam konteks masyarakat moden hari ini. Hal ini demikian kerana raja sebagai arkitek landskap sekali gus pengguna landskap itu sendiri yang akan menterjemahkan keperluan terhadap sesebuah aktiviti pelandskapan tersebut berdasarkan titah perintah baginda kepada petugas-petugas yang terlibat dalam aktiviti pelandskapan dari masa ke masa.

## **Ilmu Mengenal Tapak (Inventori Tapak)**

Seperti yang dijelaskan dalam perbincangan awal, inventori tapak merupakan aktiviti mengenal pasti dan menyenaraikan ciri-ciri fizikal tapak serta infrastruktur sedia ada di tapak berkenaan seperti kedudukan tapak, saiz dan sempadannya, topografi atau bentuk muka bumi, jenis tanah termasuklah pH dan kesuburannya, jenis-jenis tumbuhan sedia ada di tapak, bangunan dan struktur, keadaan cahaya, sistem lalulintas seperti jalan siar kaki, sistem dan struktur saliran yang sedia ada, dan aktiviti persekitaran. Kajian terhadap kitab *Tajul Muluk*, misalnya dipaparkan bagaimana masyarakat Melayu zaman dahulu sangat menitikberatkan maklumat tentang geologi tapak (dalam konteks masyarakat Melayu tradisional istilah ini boleh dikaitkan rupa bentuk susuk muka bumi) seperti “bumi bersurut-surut”, “bumi berlubang-lubang-lubang”, “bumi berpusu-pusu”, “bumi berbukit-bukit”, “bumi bertebing yang bereban-reban”, “bumi berlepas-lepas”, “bumi berlubang-lubang”, dan “bumi bertanjung” dalam inventori tapak sebelum membuat keputusan untuk membangunkan landskap di sesebuah kawasan, selaras dengan prinsip keselamatan dalam *Theory of Landscape Aesthetics*. Dalam hal ini karya Melayu tradisional, melalui *Tajul Muluk* menerangkannya seperti berikut:

Fasal pada menyatakan jika bumi itu bersurut atau berlubang-lubang atau berpusu-pusu atau berbukit-bukit atau tebing yang bereban-reban atau berlepas-lepas atau berlubang-lubang atau bertanjung-tanjung segala atau sembilan perkara inilah bumi yang amat jahat maka janganlah kita diam di sana alamat akan percitaan atau lagi dukacita dan tiada berkat pada pencarian kita datang kepada anak cucu kita WaLlahua’lam.

(Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2000, hlm. 2)

Petikan di atas lebih berupa panduan untuk mengenal pasti tapak yang sesuai untuk dalam perancangan landskap Melayu tradisional. Petikan tersebut memberi maklumat bahawa tidak semua bentuk muka bumi sesuai untuk dibangunkan dengan aktiviti pelandskapan. Antaranya, tanah bersurut-surut, tanah berlubang-lubang, tanah berpusu-pusu, tanah bertebing-tebing dan bereban-reban, tanah berlepas-lepas dan tanah bertanjung. Dari segi logiknya tanah bersurut-surut ada kaitan dengan pasang surut air di tepi pantai atau kuala sungai. Tanah berlubang-lubang dapat dihubungkan dengan tanah gambut yang tidak padat dan boleh menyebabkan asas bangunan di atasnya (rumah/istana) tidak kuat, mudah roboh, dan mudah terbakar.

Tanah berpusu-pusu pula tidak baik kerana tanah tersebut banyak anai-anai. Tanah bertebing-tebing dan bereban-reban maksudnya tanah berhakis. Tanah berlepas-lepas ialah tanah berpasir, rua, mudah jertus, tidak baik untuk asas tiang, tidak dapat menahan berat bangunan. Tanah bertanjung, di tepi sungai atau pantai atau tasik biasanya melintang angin menyebabkan bangunan di situ dipukul angin kencang, ribut atau taufan. Sementara tanah bertanjung di tepi sungai biasanya air yang mengalir deras dari hulu menjadi mulih berpusar-pusar di tanjung lalu air menikam tanah dan angin kencang dari arah kuala akan menumbangkan bangunan.

Selain itu, masyarakat Melayu zaman dahulu juga membuat tinjauan dan analisa tapak berdasarkan susuk muka bumi yang tinggi atau rendah sesuatu kawasan. Dalam kitab *Tajul Muluk* dinyatakan bahawa kawasan yang berbekat-bekas tinggi rendah boleh menyebabkan anak menderhaka kepada ibu bapa dan hamba sahaya tidak setia kepada tuannya. Sementara kawasan yang mempunyai bentuk “bumi terbabas” pula dipercayai boleh membawa kedukaan kepada penghuninya. “Bumi lembang-lembang” dipercayai boleh mendatangkan bahaya dan kedukaan kepada penghuninya. Hal ini dijelaskan dalam kitab tersebut seperti yang berikut:

Ada pun tiga perkara yang nahas itu pertama yang berbekat-bekas tinggi rendah barang siapa yang duduk di sana alamat hamba sahayanya dan anak cucunya derhaka kepada ibu bapanya dan lari segala hamba sahaya padahnya. Kedua perkara jika bumi itu terbabas barang siapa diam alamat dukacita padahnya. Ketiga perkara jika bumi itu lembang-lembang itu pun maha nahas tiada harus diam di sana dukacita lagi papa...

(Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2000, hlm. 23)

Petikan tadi menjelaskan masyarakat Melayu zaman dahulu membuat tinjauan dan menganalisa tapak landskap yang selamat dihuni berdasarkan faktor susuk muka bumi sesebuah kawasan. Secara logiknya perkara ini mempunyai hubung kait dengan struktur tanah yang terdapat di situ. Kawasan yang

rupa bentuk muka buminya tinggi rendah tidak selamat untuk mendirikan bangunan atau binaan di situ. “Bumi terbabas” pula ada kaitan dengan struktur tanah lereng bukit yang mudah gelongsor dan juga tidak selamat untuk mendirikan bangunan. “Bumi lembang-lembang” boleh ditakrifkan sebagai kawasan yang berada pada kedudukan laluan air dan boleh menyebabkan binaan atau bangunan yang didirikan di situ boleh runtuh atau roboh dibawa arus. Jika mengambil kira perkiraan logik tentang ketidaksesuaian tanah untuk membangunkan ibu negeri/istana berdasarkan susuk muka bumi di atas, ternyata bahawa masyarakat Melayu zaman dahulu juga meletakkan faktor keselamatan sebagai pertimbangan utama dalam pemilihan tapak landskapnya, sama seperti yang ditegaskan oleh *Theory of Landscape Aesthetics*.

Kajian terhadap karya Melayu tradisional mendapati tinjauan dan analisa tersebut bukan sahaja melibatkan aspek rupa bentuk susuk muka bumi seperti yang dibincangkan di atas, tetapi juga dari beberapa aspek yang lain, terutamanya dalam membangunkan rumah kediaman. Menurut kitab *Tajul Muluk* seperti yang diterjemahkan oleh Abdul Rahman al-Ahmadi (2000, hlm. 44) terdapat beberapa garis panduan dalam memilih tapak untuk membangunkan rumah kediaman, iaitu seperti yang digariskan di bawah:

- ❖ Kedudukan tapak pada arah bumi senget dari timur ke tenggara, selatan, barat daya, barat tepat, dan barat laut adalah tidak baik untuk dijadikan tapak perumahan.
- ❖ Kedudukan bumi di arah senget tenggara memberi alamat tersekat mata pencarian.
- ❖ Kedudukan pada arah senget ke selatan pula bermaksud alamat turun harta, kehilangan atau kematian.
- ❖ Kedudukan tapak pada arah senget ke barat daya membawa alamat saudara serta kaum keluarga dengki
- ❖ Kedudukan tapak pada arah senget barat tepat alamat diri akan menjadi lembik, lemah dan berkurang temasam (mengubat orang sakit kerana keteguran hantu).

Dalam kehidupan masyarakat Melayu kedudukan lingkaran matahari mempunyai pengaruh dalam menentukan kedudukan rumah atas tapak. Perkara ini dijelaskan dalam *Tajul Muluk* tersebut bahawa arah rumah mesti menghadap matahari jatuh ke barat, iaitu menghadap kiblat, sesuai dengan prinsip Islam. Pemilihan tapak juga mesti berhadapan dengan kawasan yang berair seperti sungai dan laut, selaras dengan ajaran Islam yang mementing konsep “kesucian” dan sesuai berdasarkan keperluan air yang mempunyai pelbagai kegunaan sama ada, untuk memasak, sumber minuman, membersihkan diri serta sebagai suatu jaringan mobiliti atau sistem perhubungan dalam kehidupan mereka. Contoh yang paling jelas dan masih boleh dilihat sehingga hari ini ialah kedudukan Istana Besar di negeri Kelantan yang terletak berhampiran dengan sungai. Perkara ini menunjukkan bahawa selain prinsip keselamatan, perancangan landskap Melayu tradisional turut menitikberatkan prinsip keagamaan dalam perancangan landskap mereka

Selain itu, analisa tapak landskap masyarakat Melayu zaman silam juga sangat berkait rapat dengan cara mereka menganalisa tapak dan kemudiannya menentukan bahawa kawasan tersebut sesuai untuk dibangunkan dengan aktiviti pelandskapan berdasarkan rumus atau kepercayaan tradisi. Dalam kes *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu*, Seri Teri Buana sendiri yang membuat inventori dan analisis tapak kerana sebagai raja, baginda juga seorang arkitek landskap yang lebih dalam menentukan kesesuaian sesebuah kawasan untuk membangunkan negeri/negara kotanya:

Kata Sahibul hikayat adalah berburu itu dari Tanjung Bemban sampai ke sebelah Tanjung Sengkuang, ke Barat Terang. Kenaikan dengan sekalian perahu mengikut ke sana. Maka berburu itu sampai kepada bukit. Maka anjing baginda terjun dihambat seekor pelanduk putih. Maka titah baginda, “Baiklah tempat ini, kita perbuat negeri, anjing alah oleh pelanduk jika manusia betapa lagi?” Maka titah baginda kepada Demang Lebar Daun, “Paman kerahkan orang menebas tempat ini, kita perbuat negeri;” seraya baginda berjalan naik ke atas bukit itu.”  
(A. Samad Ahmad, 1976, hlm. 38)

Seri Teri Buana mempunyai justifikasinya yang tersendiri, sebuah kawasan/tapak sesuai dibangunkan sebuah negeri/negara kota apabila berlaku suatu peristiwa ganjil yang mempunyai ciri-ciri tuah di situ. Dalam kes ini, peristiwa ganjil tersebut ialah apabila anjing perburuan baginda alah dihambat pelanduk. Peristiwa ini dianggap luar biasa oleh Seri Teri Buana dan merupakan suatu petanda atau

alamat baik menurut kepercayaannya sehingga baginda yakin untuk membuka negeri/negara kota di kawasan tersebut. Pernyataan “Baiklah tempat ini diperbuat negeri, anjing oleh pelanduk, jika manusia betapa lagi” menjadi justifikasi penting bagi Seri Teri Buana sebagai satu daripada ciri tapak yang baik dan “bertuah” untuk membangunkan sebuah negeri/negara kota di situ.

Dalam suatu peristiwa yang lain, ketika Seri Teri Buana dalam pelayaran ke Temasik, berlaku satu lagi peristiwa ganjil, iaitu kenaikan baginda dipukul ribut dan hampir karam walaupun semua barang di dalamnya telah dibuang ke laut. Kenaikan baginda hanya terselamat apabila mahkota di atas kepalanya diturunkan dan diletakkan ke air. Ribut pula hilang dengan serta-merta. Ombak besar juga turut surut dan keadaan laut tenang seperti biasa. Peristiwa ini dipaparkan dalam *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu* seperti berikut:

Hatta dengan takdir Allah Taala, setelah mengirap pasir, maka turunlah ribut barat data, terlalu besarnya serta dengan ombaknya. Maka berpecahlah sekalian perahu itu, yang bersama dengan kenaikan itu hanya empat buah perahu juga; pertama perahu Demang Lebar Daun, dan perahu Menteri Bupala, dan perahu yang tiada bercerai dengan kenaikan baginda. Maka berapa dipertimbangkan kenaikan itu tidak mahu kering air ruangnya, masih hingga lutut juga. Maka titah baginda, “Buanglah segala isi perahu itu supaya timbul.” Maka dibuang oranglah segala muatannya tiada juga ialah timbul, makin banyak pula air ruangnya. Titah baginda, “Buang pula biar habis barang-barang itu.” Maka segala semberib, piring, talam emas, bokor emas dan perak dan tambaga suasa sekaliannya habis dibuangkan orang

Syahdan datanglah ke Teluk Belanga, maka kenaikan itu tiada tertimba lagi, lalu akan tenggelam. Maka titah baginda, “Apa yang ada lagi di dalam perahu ini, maka tiada mahu ia timbul ini?” Maka sembah Menteri Bupala, “Pada pendapat patik kalau sebab mahkota kudrat itu juga tuanku, maka kenaikan ini demikian halnya.” Maka diambil mahkota itu, lalu diletakkan baginda ke air. Sekonyong-konyong teduhlah ribut itu dan ombak pun tenang seperti air di dalam baling. Maka didayung oranglah ke pantai; setelah datang ke pantai maka baginda pun turunlah, membawa isteri baginda diiringkan mandara perwara sekalian bermain di padang Temasek itu.

(A. Samad Ahmad, 1979, hlm. 39-40)

Dalam konteks cerita, episod luar biasa di atas merupakan suatu petanda yang memberikan mamberikan maklumat awal kepada Seri Teri Buana berhubung dengan kehebatan tapak/kawasan/tempat yang bakal ditujunya untuk dijadikan pusat pemerintahan sesebuah negeri/negara kota. Petanda ini kemudiannya diperkuatkan lagi dengan kewujudan binatang yang gagah di situ untuk memperkukuh justifikasi pemilihan tapak/kawasan sebagai negeri/negara kotanya. Baginda lebih yakin memilih Temasik untuk membuka negeri apabila muncul seekor singa secara tiba-tiba ketika rakyat sibuk membersihkan kawasan. Dalam hal ini baginda menghubungkan “tuah” tempat tersebut dengan kehebatan rupa/sifat seekor singa yang tangkas dan berani. Perkara ini dijelaskan dalam *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu* (1979: 40) seperti di bawah:

Maka baginda semayam di bawah pohon jambu laut dihadap segala Orang Besar-besar, berbicara hendak membuat negeri; seraya menitahkan rakyat menebas kayu di padang itu. Maka segala rakyat pun naiklah menebas; sekonyong-konyong itu melintas seekor binatang maha tangkas lakunya, merah warna bulunya, kehitam-hitaman kepalanya, dan putih dadanya; sikapnya terlalu perkasa, besar sedikit daripada kambing randuk. Setelah ia melihat orang banyak itu, lalu ia melompat, ghaib daripada mereka itu. Maka titah Seri Teri Buana, “Apa nama binatang yang serupa itu?” Maka seorang pun tiada menyahut. Maka sembah Demang Lebar Daun, “Tuanku, ceritera orang patik dengar, yang demikian sifat dan kelakuan binatang itu, singa konon namanya, tuanku.”

Maka titah baginda, “Patutlah kita perbuat negeri tempat ini kerana binatang gagah ada di dalamnya; dan sebutlah Temasek ini Singapura;” sampai sekarang disebut orang “Singapura”.

(A. Samad Ahmad, 1976, hlm. 40)

Jangkaan baginda tentang kehebatan dan kesesuaian tempat tersebut ternyata terbukti apabila Singapura kemudiannya menjadi sebuah kerajaan yang kuat dari segi ekonominya dan makmur. Segala pedagang singgah di situ dan hal ini digambarkan dalam *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu* seperti berikut:

Maka Seri Teri Buana pun semayamlah di istana sebuah seorang dengan Wan Seri Beni kerajaan di dalam Singapura. Terlalu makmurnya negeri itu, adalah labuhan dagang dari Teluk Rhu, sampailah ke parit, kampung orang; dari negeri itu sampailah ke Tanah Merah bertemu bumbungan rumahnya, Demang Lebar Daun memerintahkan negeri itu.

(A. Samad Ahmad, 1979, hlm. 41)

Dalam budaya Melayu, proses analisa tapak landskap juga meliputi analisis terhadap “unsur” tuah dan malang, baik dan tidak baik yang terdapat di tapak untuk memastikan bahawa tapak yang dipilih untuk membangunkan suatu reka bentuk landskap itu selamat dan bebas daripada gangguan “mahluk” tertentu. Dalam hal ini masyarakat Melayu zaman silam memang percaya bahawa setiap mahluk di alam ini mempunyai semangat atau roh masing-masing yang perlu dijaga supaya tidak mendatangkan bahaya kepada manusia. Oleh itu, dalam proses menentukan atau memilih suatu tempat untuk dijadikan kawasan kediaman pun, mereka harus memastikan tiada mahluk berbahaya dan boleh mendatangkan kemudaratan kepada mereka.

Berhubung dengan perkara tersebut terdapat satu fasal dalam kitab *Tajul Muluk* yang menerangkan tentang proses pembersihan tapak landskap, berbunyi, “*Jika bumi itu kata orang sangatlah keras syaitannya. Maka tatkala sudah atau dari bandarulnya maka koreklah tanah sama tengah itu, cucuk tengah itu hingga sepilok, maka ambillah tanahnya maka kepal baik maka baca ayat.*” (Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2000, hlm. 91) Dalam amalan pembersihan tersebut, sebiji buyung diisi dengan air sehingga penuh dan kemudian diletakkan bunga di tengah-tengahnya. Buyung ini perlu diletakkan di tengah-tengah tapak rumah. Sekeping emas perlu diletakkan di bawah bunga, dijampi dan dibiarkan semalaman. Keputusannya akan diperoleh pada keesokan hari. Sekiranya air di dalam buyung itu masih penuh bermakna tapak tersebut sesuai untuk dijadikan rumah, jika sebaliknya bermakna tapak tersebut tidak sesuai.

Upacara membersihkan sesuatu tapak landskap pula perlulah dilakukan oleh orang yang berkelayakan dan mahir tentang perkara tersebut. Dalam tradisi masyarakat Melayu, mereka dipanggil dengan gelaran bomoh atau pawang. Bomoh atau pawang merupakan orang yang mempunyai kemahiran tertentu berhubung dengan alam ghaib yang tidak dapat ditangkap oleh deria manusia sehingga dapat berkomunikasi dengan dunia “roh” dan memujuk “unsur” jahat yang boleh memberi ancaman ini untuk berpindah dan pergi ke tempat lain kerana hubungan akrabnya dengan alam.

Dalam suatu kes yang lain, ketidaksesuaian sesebuah tapak landskap dihubungkan dengan kewudan imej yang tidak disenangi dan mendatangkan ketidakselesaan kepada penghuninya. Umpamanya, dalam kes Raja Iskandar Syah, baginda terpaksa meninggalkan beberapa buah tempat yang telah dibangunkan sebagai negerinya, iaitu “Biawak Busuk” dan “Kota Buruk” berikutan kewujudan imej atau unsur mistik yang tidak disenangi di tempat-tempat tersebut seperti yang digambarkan dalam *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu* di bawah:

Sebermula Raja Iskandar Syah berjalan itu datang hampir hulu Muar, bertemu suatu tempat yang baik. Maka baginda berhenti berbuat tempat dan pagarnya, akan berbuat negeri. Apabila malam hari, datanglah biawak terlalu banyak beribu-ribu. Setelah hari siang dibawa orang ke air, apabila malam datang pula berlaksa-laksa, serta siang hari dipandang orang banyak pula, maka dibunuh orang dibuang ke air dan apabila malam datang pula berganda, dibunuhi orang menjadi busuklah tempat itu dipanggil orang “Biawak Busuk”, datanglah sekarang.

Maka Raja Iskandar Syah pun berjalanlah dari sana. Ada pun baginda berjalan itu mendarat, beberapa hari antaranya terus hampir ke Simpang Ujong, maka dilihatnya baginda tempat itu baik lalu disuruh tebas, dibuat kota di sana, apabila malam menjadi buruk maka dinamai “Kota Buruk”, datang sekarang disebut orang tempat itu kota buruk. Baginda berjalan dari sana terus ke Sebing Ujong ...

(A. Samad Ahmad, 1979, hlm. 70-71).

Di tempat yang dipanggil Biawak Busuk misalnya, terdapat terlalu banyak biawak sehingga beribu-ribu ekor jumlahnya. Walaupun telah ditangkap dan dibunuh, jumlahnya bertambah berganda-ganda sehingga baginda membuat keputusan untuk berpindah dari situ kerana tidak tahan dengan bau bangkainya. Demikian juga setelah berpindah ke sebuah tempat yang bernama Simpang Ujong dan mendirikan kerajaan di sana, baginda sekali lagi berpindah dari situ kerana kota yang dibinanya menjadi buruk pada waktu malam. Perkara ini dikaitkan dengan imej atau unsur mistik yang tidak disenangi di kedua-dua kawasan tersebut sehingga tidak sesuai untuk dijadikan negari/negara kota.

Unsur kepercayaan tradisi yang dipegang oleh masyarakat Melayu tradisional dalam aspek perancangan landskap mereka memperlihatkan hubungannya dengan faktor kebudayaan melingkungi hidup masyarakat Melayu pada zaman silam. Sebelum unsur kebudayaan luar, sama ada Hindu atau Islam masuk ke alam Melayu, masyarakat Melayu memang mengamalkan kepercayaan animisme, iaitu mempercayai bahawa kehidupan mereka dipengaruhi oleh kuasa alam yang melingkungi kehidupan mereka, seperti kewujudan penunggu atau roh baik dan jahat di sesuatu kawasan. Oleh itu, dalam konteks ini didapati bahawa selain prinsip keselamatan sesebuah kawasan, perancangan landskap Melayu zaman silam turut dipengaruhi oleh prinsip kebudayaan seperti yang dibahaskan dalam *Theory of Landscape Aesthetics*. Walau bagaimanapun prinsip kebudayaan yang menjadi keutamaan dalam perancangan landskap Melayu tidak menekankan kepada keperluan identiti dan kestabilan identiti budaya seperti yang ditegaskan dalam *Theory of Landscape Aesthetics*. Sebaliknya, prinsip kebudayaan ini lebih mengacu kepada kepercayaan tentang tuah dan malang sesuatu tapak berdasarkan peristiwa ganjil atau luar biasa yang berlaku di situ.

Selain itu, faktor geografi dan bentuk muka bumi sesuatu kawasan juga menjadi keutamaan raja-raja Melayu dalam memilih tapak untuk dijadikan negeri/negara kota bagi legasi pemerintahannya. Dalam hal, Seri Teri Buana memilih Temasik sebagai negeri/negara kotanua kerana kedudukan kawasan tersebut yang terletak berhampiran laut. Kedudukan ini dianggap penting sebagai laluan perdagangan dan merupakan sistem perhubungan yang baik untuk berhubung dengan luar. Di samping itu, bentuk muka buminya yang dilitupi bukit bukau serta tanahnya yang datar, rata dan cantik dianalisis sebagai ciri penting dalam perancangan tapak landskap untuk membangunkan negara kota. Perkara ini digambarkan dalam *Sulatus Salatin Sejarah Melayu* seperti yang berikut:

Maka segala perahu yang banyak itu pun datanglah semuanya berkampung, dan segala Orang Besar-Besar itu turun dengan isterinya menghadap baginda dua laki isteri. Maka Seri Teri Buana pun berangkat melihat tanah Temasek itu diringkan segala Orang Besar-besar. Dipandang baginda terlalu molek perbuatan tanah itu, bukit tanahnya dan rata di atasnya, dan padang di negaranya.

Maka baginda semayam di bawah pohon jambu laut, dihadap segala Orang Besar-besar, berbicara hendak membuat negeri; seraya menitahkan rakyat menebas kayu di padang itu.

(A. Samad Ahmad, 1979, hlm. 40).

Keadaan yang sama juga ditemukan dalam episod pemilihan tapak untuk membangunkan negeri Semundra oleh Merah Silu. Dalam hal ini baginda membuat keputusan untuk membuka negeri Samudera di suatu tapak yang dijumpainya ketika berburu kerana tiga faktor yang telah disebutkan sebelum ini, iaitu berlakunya peristiwa ganjil, kewujudan binatang yang membawa makna tertentu, dan juga kedudukan geografi serta bentuk muka bumi. Peristiwa ganjil yang berlaku apabila baginda tiba di kawasan tersebut ialah anjingnya, Si Pasai menyalak dengan kuat di atas suatu tanah tinggi. Sementara binatang yang ditemukannya di situ ialah seekor semut besar yang saiznya sebesar seekor kucing. Dari segi kedudukan geografi kawasan tersebut terletak berhampiran laluan perdagangan, iaitu laut dan bentuk muka buminya berupa sebuah kawasan yang tinggi. Perkara ini dijelaskan dalam *Sulalatus Salatin* seperti berikut:

Adalah suatu riwayat Merah Silu pergi berburu, maka anjingnya bernama Si Pasai itu pun menyalak. Dilihatnya Merah Silu Si Pasai itu menyalak di atas tanah tinggi, seperti ditimbun orang rupanya. Maka Merah Silu naik ke atas tanah tinggi itu, maka dilihatnya seekor semut



besar seperti kucing; maka oleh merah Silu semut itu diambil dan dimakannya. Maka tanah tinggi itu diperbuatnya akan tempat, dinamainya Semundra, ertinya semut besar.  
(A. Samad Ahmad, 1979, hlm. 55-57)

Situasi yang tidak jauh berbeza juga berlaku ketika Sultan Iskandar Syah membuat keputusan untuk memilih tapak bagi mendirikan kerajaannya yang diberi nama negeri Melaka sempena nama pohon kayu terdapat di situ. Dalam kes pembukaan negeri Melaka, berlaku peristiwa anjing perburuan baginda ditendang oleh pelanduk. Dari segi kedudukan geografi dan bentuk muka bumi pula kawasan tersebut dikenal pasti berdekatan dengan sungai dan mempunyai tanah yang berbukit bukau seperti yang dinyatakan dalam *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu* berikut ini:

Maka Raja Iskandar Syah pun berjalan balik membaruh, lalu terus kepada sebuah sungai, Bertam namanya; dan kualanya berbukit. Maka baginda pun datanglah ke sana, berhenti di bawah seponon kayu, terlalu rampak, maka baginda menyuruh berburu; sekonyong-konyong terjun anjing dihambat pelanduk. Titah baginda, “Baik tempat ini diperbuat negeri, anjing alah oleh pelanduk; jikalau orangnya betapa lagi?” Maka sembah segala Orang Besar-besar, “Benarlah seperti titah duli tuanku itu.” Maka disuruh baginda tebas, diperbuat negeri. Maka titah baginda, “Apa nama kayu itu?” Maka sembah orang, “Kayu Melaka namanya, tuanku,” maka titah Raja Iskandar Syah, “Jika demikian Melakalah nama negeri ini.” Maka kota negeri Melaka pun sudahlah diperbuat orang sekalian, diamlah baginda di Melaka.

(A. Samad Ahmad, 1979, hlm. 71)

Selain itu, kekayaan sumber asli yang terdapat di sesuatu kawasan juga diambil kira oleh arkitek landskap zaman silam, khususnya raja-raja Melayu dalam memilih tapak/kawasan/tempat untuk dijadikan sebuah negeri/negara kota. Dalam kes negeri Indera Pura, tapaknya dikenal pasti sangat kaya dengan sumber asli seperti sungai, sumber hutan berserta isi yang terdapat di dalamnya, di samping memiliki bentuk muka bumi yang sangat baik dan cantik. Hal ini diungkapkan dalam *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu* seperti berikut:

Ada pun ini suatu riwayat, diceriterakan oleh yang empunya ceritera: ada sebuah negeri, Indera Pura namanya; air sungainya tohor, lagi dengan rantau pasir sepanjangnya, dalam sungai itu terlalu banyak pulau, di dalamnya air tawar sampai ke kuala. Musim utara gelora muaranya; kelian emas di hulunya, banyak padang luas-luas di sana. Isi hutannya gajah, badak, harimau, seladang dan sekalian perburuan. Adalah diceriterakan orang, daging seladang itu kurang sepemanggangan daripada daging gajah.

(A. Samad Ahmad, 1979, hlm. 96)

Kekayaan sumber asli yang terdapat di negeri Indera Pura tersebut menyebabkan rajanya dicemburui oleh raja dari negara lain, termasuk Melaka sehingga mendorong mereka untuk menakluk negeri tersebut. Perkara ini ditegaskan dalam *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu* seperti berikut:

Setelah Sultan Mansur Syah mendengar khabar negeri itu, maka terlalu rasanya baginda ingin; maka baginda menitahkan Bendahara Paduka Raja menyerang Indera Pura, ia membawa kelengkapan dua ratus.”

(A. Samad Ahmad, 1979, hlm. 96)

Perkara ini menunjukkan dalam proses analisa tapak, selain prinsip keselamatan, kebudayaan, dan keagamaan, perancangan landskap Melayu turut mementing prinsip nilai komersial yang boleh ditawarkan di sesebuah tapak atau kawasan dalam membangunkan ekonomi masyarakatnya, termasuklah dari aspek kedudukan geografinya.

## KESIMPULAN

Analisis terhadap beberapa buah karya Melayu tradisional seperti kitab *Tajul Muluk* dan *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu* menunjukkan bahawa masyarakat Melayu zaman silam mempunyai kepakaran dalam ilmu landskap, khususnya dalam aspek perancangan tapak landskap, sebahagiannya sama seperti yang difahami dalam konteks masyarakat moden pada hari ini, sementara sebahagian lagi wujud secara tidak langsung dan ada juga proses perancangan tapak landskap dalam konteks moden tidak ditemukan dalam konteks perancangan tapak landskap tradisional.

Dalam hal ini, karya Melayu tradisional menunjukkan bahawa dalam perancangan tapak landskap Melayu, wujud aktiviti inventori tapak seperti yang dilakukan dalam perancangan tapak landskap moden, tetapi dengan kaedah atau mekanismenya yang tersendiri. Kajian terhadap karya Melayu tradisional tidak menemukan analisis terhadap pengguna seperti yang wujud dalam perancangan tapak landskap moden. Walaupun begitu, didapati raja atau sultan sebagai arkitek landskap yang sekali gus merupakan pengguna landskap terbabit mempunyai justifikasi yang tersendiri tentang sesebuah kawasan yang sesuai untuk dibangunkan dengan aktiviti landskap seperti istana atau ibu kota/negeri kerajaannya. Kajian tidak menemukan sebuah pelan induk lanskap dalam aktiviti perancangan tapak landskap Melayu berdasarkan karya Melayu tradisional.

Bertitik tolak daripada *Teori of Landscape Aesthetics*, didapati bahawa perancangan tapak landskap Melayu tradisional sangat mementingkan prinsip keselamatan selaras dengan prinsip teori tersebut, sama ada dalam aspek tinjauan dan analisa, pertimbangan, penyelesaian reka bentuk atau polisi, demi memastikan pembangunan landskap yang bakal dirancang selamat daripada ancaman yang berbentuk eksplicit atau implisit, yakni yang boleh dilihat dengan mata kasar dan juga ancaman yang tidak kelihatan di pandangan mata.

Walaupun bagaimanapun, didapati masyarakat Melayu tradisional tidak memberi penekanan terhadap simbol identiti dan kestabilan identiti budaya seperti yang ditekankan dalam *Theory of Landscape Aesthetics* sebagai prinsip dalam aspek perancangan landskap mereka. Dalam erti kata lain, kedua-dua prinsip tersebut tidak menjadi keutamaan ketika mereka memilih sesuatu kawasan atau tapak tanah untuk membina rumah, istana, atau ibu negeri kerajaan Melayu zaman silam. Sebaliknya, dalam aspek budaya masyarakat Melayu tradisional sangat berpegang kepada kepercayaan tradisi dalam perancangan landskap, terutama ketika memilih sesuatu kawasan atau tapak tanah untuk membangunkan rumah, istana atau ibu negeri sesebuah kerajaan yang hendak dibangunkan. Hal ini demikian kerana pengaruh kepercayaan tradisi animisme yang sangat menebal dalam hidup sehingga diamalkan dalam seluruh aspek kehidupan termasuklah dalam aspek perancangan landskap mereka.

Walaupun demikian, perkembangan agama Islam ke alam Melayu kemudiannya turut memberi pengaruh terhadap aspek perancangan landskap masyarakat Melayu tradisional. Dalam hal ini mereka mula menjadikan ajaran agama Islam sebagai satu prinsip penting dalam memilih kawasan untuk membangunkan sesuatu aktiviti pelandskapan. Contohnya, kewujudan elemen air, arah matahari dan sebagainya yang mempunyai kepentingan tertentu dari sudut agama Islam. Perkara ini memperlihatkan sikap masyarakat Melayu yang arif laksana dalam menyempurnakan urusan kehidupan selari dengan kehendak agama yang dianuti mereka, agar pada akhirnya mereka beroleh kesejahteraan hidup.

Seperkara penting lagi, kebijaksanaan masyarakat Melayu zaman silam dalam aspek perancangan landskap juga terserlah apabila mereka sangat menitik beratkan nilai komersial sesebuah kawasan atau tapak sebelum mereka memutuskan untuk membangunkan aktiviti pelandskapan di situ. Hal ini berdasarkan faktor geografi, iaitu kedudukan sesebuah tapak yang strategik seperti berhampiran dengan laut dan menjadi laluan penting aktiviti perdagangan yang menjana sumber ekonomi penting kepada penduduk atau sesebuah kerajaan Melayu.

## **RUJUKAN**

- Abdul Rahman Al-Ahmadi. (2000). *Tajul Muluk*. Dlm *petua membina rumah Melayu dari sudut etnis dan antroplogist*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- A. Samad Ahmad. (Penyelenggara). (1979). *Sulalatus salatin sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bourassa S.C. (1988). Toward of theory landscape aesthetics. *Landscape and Urban Planning*, 15, 241-252.
- Che Husna Azahari. (1997). Teknologi warna alam Melayu. *Akademika*, 51, 553-563.

- Harun Mat Piah. (2016). Cinta dan pekasihan - sebagai ilmu dan amakan menurut naskhah-naskhah Melayu tradisional. *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara XII*, Bahagian Penyelidikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka pada 26-27 Disember 2016.
- Mat Rofa Ismail. (2009). Ilmu hikmah dalam kajian etnosains dan etnomatematik alam Melayu. *Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Falsafah Sains, anjuran Jabatan Matematik*, Universiti Putra Malaysia pada 9 Julai 2009.
- Mohd. Kher Hussein, Noorizan Mohamed, dan Mustafa Kamal Mohd Shariff. (2008). *Pengenalan kepada asas seni bina landskap*. Kuala Lumpur: Penerbit UPM.
- Wan Ramli Wan Daud. (1993). Sejarah teknologi pada zaman Islam, *Sari*, 11, 127-168.